

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 21 MEI 2015
SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tahap pembangunan hospital baru Kuala Krai dan bilakah ia dijangka siap sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan hospital baru Kuala Krai dengan kemudahan 268 katil berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana. Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan berkenaan sedang giat dilaksanakan oleh pihak JKR selaku pasukan pengurus projek dimana status terkini kemajuan di tapak bina adalah sebanyak 12 peratus berbanding jadual 15 peratus. Pembinaan hospital baru Kuala Krai dijangka akan siap sepenuhnya pada 19 Mei 2017.